

TANAH OH TANAH : SIRI KE 58
MASLAHAH AMMAH DALAM PENGAMBILAN TANAH MENGIKUT
HUKUM SYARAK
(BAHAGIAN PERTAMA)

1. PENDAHULUAN

TOT Siri ke 39 hingga ke 52, penulis telah mengupas tentang konsep *public interest* dan *public purpose* dalam pengambilan tanah secara paksa (*compulsory land acquisition*). *Public interest* dan *public purpose* adalah merujuk kepada perkara yang sama. Atas nama *public interest* dan *public purpose*, hak seseorang terhadap tanah boleh dilucutkan secara paksa, tanpa persetujuan malah dalam keadaan tertentu tanpa pengetahuan pemilik tanah. Dalam keadaan terdesak, perlucutan hak boleh terlebih dahulu dilaksanakan, manakala penentuan pampasan dan gantirugi diuruskan kemudian (seksyen 19 APT 1960). Konsep *public purpose* yang terdapat dalam undang-undang tanah sivil ini tidak sama dengan konsep *maslahah ammah* menurut hukum syarak. Terdapat perbezaan yang ketara antara satu sama lain. Dalam ruangan ini, penulis akan cuba memberi sedikit pencerahan untuk manfaat bersama. In Syaa Allah.

2. DEFINISI MASLAHAH AMMAH

Lafaz *maslahah* adalah sama seperti lafaz *manfaat* dari segi wazan dan makna. *Maslahah* adalah *masdar* iaitu nama terbitan yang memberi makna kebaikan (*al-solah*), sama seperti lafaz *manfaat* yang memberi makna kemanfaatan (*al-naf'u*). *Maslahah* juga disebut sebagai kata nama tunggal daripada *al-masalih*. Setiap perkara yang mengandungi kebaikan dan kemanfaatan, sama ada dengan cara mendatangkan kebaikan,

menghasilkan faedah dan kelazatan, atau pun menolak keburukan dengan tujuan mengadakan perlindungan seperti menjauhi perkara-perkara yang boleh memudaratkan adalah disebut sebagai *maslahah*. Perkara ini dijelaskan oleh Ibn Manzur dalam kitabnya yang berjudul *Lisan al-'Arab*, Jld.2 (1990) bahawa *maslahah* ialah *al-salah* dan *maslahah* adalah kata tunggal *masalih*. Maka setiap perkara yang mengandungi manfaat sama ada dengan mencapai faedah dan kelazatan atau dengan menjauhkan kemudaratan dan kesakitan maka semuanya adalah dinamakan *maslahah*. Kamus *al-Munjid fi al-Lughah wa al-A'lam* (1992) dan Fuad Ifram al-Bustani (1987) dalam kitabnya *Munjid al-Tullab* bahawa dinyatakan *maslahah* sebagai apa yang boleh membawa kepada kebaikan. Apa yang diberikan kepada manusia daripada pekerjaannya yang membawa kepada manfaat untuk dirinya dan kepada orang lain. Kamus Dewan (2002), Edisi Ke.3, Kuala Lumpur, *maslahah* disebut sebagai maslahat yang membawa maksud sesuatu yang berfaedah (berguna), usaha dan sebagainya yang mendatangkan faedah.

Ahli Usul Fiqh telah memberikan definisi *maslahah* dengan beberapa takrifan. Al-Ghazali (1993) dalam kitabnya yang bertajuk *Al-Mustasfa fi 'Ilm Usul*, mengatakan bahawa “*maslahah* ialah memelihara tujuan syarak iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda. Oleh itu apa sahaja yang membawa kepada terpeliharanya lima perkara itu adalah *maslahah*. Sebaliknya apa sahaja yang membawa kepada kerosakan salah satu daripada lima perkara di atas atau seluruhnya, maka itu adalah keburukan atau kerosakan yang mesti ditentang”. Dr. Sa'id Ramadan al-Buti (1965) memberi takrifan *maslahah* sebagai manfaat yang menjadi tujuan syarak (Allah) yang Maha Bijaksana kepada hambanya semata-mata untuk memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta mereka menurut susunan kepentingan yang ditentukan antara

lima perkara tersebut. Dr ‘Abd al-Karim Zaydan (1994) menjelaskan bahawa *maslahah* dari segi positifnya mendapatkan manfaat dan dari segi negatifnya menolak kemudarat. Oleh sebab itulah beliau menyatakan bahawa *maslahah* bermaksud menolak kemudarat terlebih dahulu untuk mendapatkan manfaatnya. Syeikh Abdul Wahhab Khallaf dalam kitabnya Ilmu Usul al-Fiqh, (1985) pula mentakrifkan *maslahah* itu sebagai “menetapkan suatu hukum bagi masalah yang tidak ada nasnya dan tidak ada ijma’ berdasarkan kemaslahatan murni atau *maslahah* yang tidak dijelaskan syariat, dan tidak dibatalkan oleh syariat”

Daripada beberapa definisi yang dikemukakan oleh para ulama usul, menunjukkan bahawa makna *maslahah* dari sudut istilahnya tidak terkeluar daripada mencapai manfaat dan menolak kerosakan semata-mata untuk memelihara tujuan dan kehendak syarak (*Maqasid al-Syari‘ah*). Ini kerana segala kepentingan manusia di dunia ini telahpun dijamin dan dipelihara oleh syarak. Dalam keadaan tertentu terdapat perkara yang pada penilaian manusia adalah dianggap baik dan sesuai, tetapi pada hakikatnya ia tidak baik dan bertentangan dengan kehendak syarak yang sebenarnya, dan begitu juga disebaliknya. Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“Diwajibkan ke atas kamu berperang, sedangkan berperang itu adalah sesuatu yang kamu benci, dan boleh jadi kamu benci akan sesuatu, sedangkan ia lebih baik bagimu, dan boleh jadi kamu kasih sesuatu, sedangkan ia melarat kepadamu. Dan Allah mengetahui, tetapi kamu tidak ketahui”.

(al-Baqarah [2]:216)

Secara mudahnya, *maslahah* bererti manfaat, kemanfaatan atau pekerjaan yang mengandungi manfaat. Manfaat itu perlu selari dengan kehendak syarak, walaupun bertentangan dengan kehendak manusia. Sebab kemaslahatan yang dikehendaki oleh manusia tidak selamanya didasarkan kepada tujuan syarak. Tetapi sering didasarkan kepada hawa nafsunya. Oleh itu parameter untuk menentukan kemaslahatan itu adalah tujuan syarak.

3. PEMBAHAGIAN MASLAHAH

Secara umumnya ulama telah membahagikan *maslahah* kepada dua bahagian (Mustaffa Dieb al-Bugha (1993) dan Jamiah Imam Muhammad ibn Saud (1993) itu: (i) *maslahah al-mursalah* iaitu *maslahah* yang tidak terdapat dalil syarak sama ada menyokong atau pun menyanggahnya. Namun demikian, Islam tidak menghalang daripada beramal dengan hukum yang bersandarkan kepada *maslahah al-mursalah* ini dengan syarat ianya bertujuan sama ada untuk mendatangkan kebaikan atau menghindarkan keburukan; dan (ii) *maslahah al-mulghah* adalah *maslahah* yang bertentangan dengan dalil syarak.

4. KONSEP MASLAHAH

Berdasarkan kepada huraiān di atas, jelas bahawa *maslahah ammah* merupakan suatu garis penentu, yang juga merupakan prinsip bagi membolehkan pengambilan tanah dilakukan. Para *fuqaha* menetapkan bahawa perlucutan hak milik individu untuk kemaslahatan umum dilakukan secara paksaan dari pemiliknya adalah diharuskan. Ini kerana kedudukan *maslahah ammah* sentiasa diutamakan daripada *maslahah khusus*. Untuk mengelak daripada timbul kekeliruan dan salah tafsir,

maka perlu dijelaskan mengenai makna, konsep dan fungsi *maslahah ammah* mengikut perundangan Islam atau syariat Islam.

5. PEMBAHAGIAN *MASLAHAH*

Ulama seperti Imam al-Haramain, al-Ghazali, al-Izz al-Din Abd al-Salam, al-Qarafi, Ibn Taimiyyah, Ibn Qayyim, Abu Ishaq, al-Shatibi dan ramai lagi mengkategorikan *maslahah* kepada tiga bahagian atau tahap iaitu *daruriyyat, hajiyat* dan *tahsiniyyat* (Mustafa Sa‘id, 1994).

5.1 *Maslahah Daruriyyat (Basic Need)*

Maslahah daruriyyat (basic need) ialah *maslahah* yang menjadi keperluan asas kepada kehidupan manusia di dunia dan akhirat, jika sekiranya tidak dipelihara *maslahah* ini, kehidupan manusia akan pincang dan hilang nikmat abadi. Jika *maslahah* ini tidak wujud, maka berlakulah kepincangan hidup manusia dan hilangnya nikmat yang abadi di dunia dan mengalami keseksaan serta penyesalan di akhirat. *Maslahah* ini berkait dengan lima perkara yang menjadi dasar kepada *maslahah* itu sendiri, iaitu menjaga agama, memelihara diri, memelihara akal, memelihara keturunan dan memelihara harta. Segala tindakan yang dilakukan bagi merealisasikan dasar ini, sama ada untuk mengekalkannya atau memeliharanya adalah menjadi *maslahah daruriyyat*. Allah S.W.T. telah menyatakan kepentingan *maslahah daruriyyat* ini di dalam firmanNya yang bermaksud:

“Wahai Nabi! Apabila perempuan-perempuan yang mukmin datang kepadamu untuk mengadakan bai’at (janji setia), bahawa

mereka tidak akan melakukan syirik kepada Allah dengan sesuatu pun, dan mereka tidak mencuri, mereka tidak berzina, mereka tidak membunuh anak-anak mereka dan mereka tidak akan melakukan sesuatu dusta yang mereka ada-adakan antara tangan dan kaki mereka, dan mereka tidak akan menderhaka kepadamu dalam sesuatu perkara yang baik, maka terimalah pengakuan taat setia mereka dan pohonkanlah kepada Allah pengampunan dosa mereka: Sesungguhnya Allah Amat Pengampun lagi Amat Mengasihani”

(Al-Mumtahinah: 12)

Salah satu perkara yang dapat menjaga agama, memelihara diri, memelihara akal, memelihara keturunan dan memelihara harta ialah ilmu pengetahuan. Ilmu merupakan suatu perkara yang penting dalam kehidupan manusia. Perkembangan dan kemajuan sesuatu bangsa di dunia ini berkait rapat dengan kemajuan dan perkembangan ilmu pengetahuan yang terdapat pada sesuatu bangsa itu sendiri. Justeru, Islam mengingatkan tentang hakikat ini menerusi pelbagai ayat al-Quran dan hadis Rasulullah S.A.W. Penekanan terhadap kepentingan dan keperluan menuntut ilmu membuktikan bahawa Islam adalah satu agama yang memartabatkan ilmu pengetahuan dan orang yang berilmu. Baginda Rasulullah S.A.W bersabda, maksudnya; “*Menuntut ilmu itu adalah wajib ke atas tiap-tiap orang Islam lelaki dan perempuan.*” Berdasarkan hadis tersebut, jelas bahawa menuntut ilmu itu adalah suatu perkara yang penting dan menjadi kewajipan bagi setiap orang Islam. Antara kepentingan ilmu pengetahuan ialah:

- (i) kedudukan serta martabat orang yang berilmu diangkat dan diletakkan di tempat yang lebih tinggi. Dengan erti kata lain, ilmu dapat mengangkat darjat seseorang kepada darjat yang tinggi di sisi Allah S.W.T dan masyarakat. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Mujadalah, ayat 11 yang bermaksud; "*Allah mengangkat beberapa darjat orang-orang yang beriman dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan*";
- (ii) ilmu dapat meninggikan dan membezakan taraf di kalangan manusia. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Zumar, ayat 9 yang bermaksud: "*Katakanlah adakah sama orang berilmu dengan orang yang tidak berilmu? Sesungguhnya mereka yang mendapat peringatan dan petunjuk hanyalah di kalangan hambanya yang berilmu dan bijaksana*";
- (iii) ilmu dapat membentuk keperibadian yang baik dan menjadikan seseorang itu bertaqwa dan cintakan Allah S.W.T dan RasulNya. Firman Allah S.W.T dalam surah al-Fathir, ayat 28 yang bermaksud; "*Sesungguhnya yang takutkan Allah daripada hambanya ialah orang-orang yang berilmu*";
- (iv) ilmu pengetahuan akan membawa manusia ke arah kebahagian hidup di dunia dan di akhirat, memberikan kekuatan ketika dalam kesusahan dan ketika berhadapan dengan musuh;
- (v) dengan ilmu manusia dapat menjalankan ibadah dengan sempurna, sama ada ibadah umum atau ibadah khusus dan

dapat melaksanakan peranan sebagai khalifah Allah di muka bumi dengan sebaiknya;

- (vi) ilmu agama atau ilmu yang terdapat dalam al-Quran dan Al-sunnah akan menjadi benteng yang dapat mencegah seseorang itu dari melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh syariat, dapat menolak kejahilan dan kebodohan sama ada dalam perkara agama atau dalam mengejar kebendaan duniaawi;
- (vii) pelbagai jenis ilmu keduniaan seperti ilmu kejuruteraan, ilmu kedoktoran, ilmu pertanian dan sebagainya dapat membantu kemaslahatan hidup manusia di dunia; dan
- (viii) ilmu adalah salah satu langkah bagi menjana pembangunan negara kerana melalui ilmu sahajalah yang dapat membezakan antara yang hak dan yang batil.

Dalam dunia moden, ilmu ini diperoleh secara formal di institusi pendidikan yang disediakan oleh kerajaan bermula daripada taman didikan kanak-kanak (tadika), sekolah rendah, sekolah menengah, sekolah teknik dan institut pengajian tinggi (IPT). Institusi pendidikan ini terutama tadika dan sekolah rendah seharusnya terletak berhampiran kawasan perumahan supaya pelajar tidak memerlukan jarak perjalanan yang jauh untuk mendapatkan kemudahan ini; terletak di lokasi yang lebih kondusif untuk pengajaran dan pembelajaran, jauh dari kawasan industri dan mempunyai pemisah yang cukup dari gunatanah yang tidak sesuai seperti lebuhraya dan sebagainya; tidak terletak di kawasan paya, berbukit, kawasan dilanda banjir atau kawasan mengalami risiko

hakisan tanah serta tanah runtuh; tidak terletak di sepanjang atau berhampiran jalan utama bagi mengelakkan kesesakan dan mengutamakan keselamatan; dan terletak berhampiran dengan perkhidmatan kemudahan-kemudahan awam yang lain seperti perkhidmatan bas awam.

Tanah untuk tapak institusi pendidikan ini boleh diperoleh sama ada melalui memperolehi tanah kosong kerajaan negeri, tetapi kaedah ini biasanya menghadapi masalah dan halangan kerana tidak ada tanah kerajaan yang boleh dipohon. Kalau ada pun, tidak sesuai dengan tujuan projek yang hendak dilaksanakan itu kerana berbukit, berpaya atau jauh di jauh di pedalaman. Pilihan yang kedua ialah membeli tanah secara jual beli daripada pemilik. Membeli tanah bermilik daripada tuanpunya tidak semudah yang dijangkakan. Masalah yang lazim ditemui adalah seperti:

- (i) tuanpunya enggan menjual tanah itu kerana sebab-sebab tertentu seperti tanah pusaka yang diwarisi dan sebagainya;
- (ii) jika tuanpunya sanggup menjual tanah itu, harganya pula terlalu tinggi;
- (iii) kadangkala tuanpunya sanggup menjualkannya dengan harga yang berpatutan tetapi tanah itu terikat pula dengan beberapa bebanan yang masih berkuatkuasa seperti gadaian, pajakan, lien atau tertakluk kepada suatu kaveat persendirian dan sebagainya;
- (iv) ada pihak yang sanggup menjual dengan harga yang berpatutan dan tidak ada apa-apa bebanan atau kaveat yang

menghalang penjualan itu tetapi malangnya tuanpunya yang berdaftar telah meninggal dunia dan proses pembahagian pusaka belum dimulakan lagi oleh waris-warisnya ataupun sudah dimulakan tetapi belum lagi selesai; dan

- (v) dalam keadaan di mana tuanpunya tanah sanggup menjualkannya dengan harga yang berpatutan dan tidak ada apa-apa bebanan atau kaveat yang menghalang tetapi penjualan itu pula bertentangan dengan undang-undang menyebabkan ianya tidak boleh dijual atau dipindahmilik kepada pihak yang berkehendakkan tanah itu.

Kerajaan tidak boleh menjadikan masalah dan halangan ini sebagai alasan untuk tidak membina institusi pendidikan dengan membiarkan rakyat tidak mendapat ilmu atau bersesak-sesak di institusi yang sedia ada kerana manusia yang jahil tidak dapat menjaga agama, memelihara diri, memelihara akal, memelihara keturunan dan memelihara harta. Hanya dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran, manusia dapat menjaga agama, memelihara diri, memelihara akal, memelihara keturunan dan memelihara harta. Justeru, kerajaan tiada pilihan kecuali mengambil tanah rakyat secara paksa. Tindakan kerajaan untuk menyediakan kemudahan pendidikan dan pembelajaran kepada rakyat seperti taman didikan kanak-kanak (tadika), sekolah rendah, sekolah menengah, sekolah teknik dan institut pengajian tinggi adalah untuk menjaga agama, memelihara diri, memelihara akal, memelihara keturunan dan memelihara harta. Tanpa ilmu manusia menjadi jahil yang menyebabkan berlakunya kepincangan hidup manusia dan hilangnya nikmat yang abadi di dunia dan mengalami keseksaan

serta penyesalan di akhirat. Justeru, pengambilan tanah secara paksa dan tanpa persetujuan atau kerelaan pemilik untuk tapak institusi pendidikan adalah dapat dikategorikan sebagai *maslahah daruriyyat (basic need)*.

5.2 *Maslahah Hajiyat*

Maslahah hajiyat ialah suatu keperluan bagi kelegaan dan menghilangkan kepayahan yang pada lazimnya boleh membawa kepada kesusahan dan kesempitan tanpanya atau keperluan manusia untuk menghindari kesukaran dan menghapuskan kesulitan. Sekiranya tidak ada *hajiyat*, manusia akan berhadapan dengan berbagai-bagai kesukaran hidup walaupun ia tidaklah mencacatkan kehidupan, tetapi tidak sampai ke peringkat *daruriyyat* yang boleh mendatangkan *fasad* serta binasa pada adatnya (Mustafa Sa‘id Al-Khinn dalam kitabnya *al-Fiqh al-Manhaji al-Madhhab al-Imam al-Syafī‘i* (1992).

Secara umumnya *maslahah hajiyat*, apabila tiada, nescaya pincang sistem hidup dan terganggu kebaikan dan hilang sebahagian dari keperluan. Akibatnya, manusia mendapat kesusahan dan tidak selesa dalam urusan ibadat mereka dan tidak sempurna hidup. Keadaan sedemikain tidak selaras dengan prinsip Islam kerana syariat Islam ditegakkan atas dasar kemudahan dan menolak kesukaran serta kesempitan seperti firman Allah S.W.T dalam surah al-Haj ayat 78 bermaksud “*Dan Ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan kesusahan*”. *Maslahah hajiyat* ini berlaku dalam empat bidang iaitu bidang ibadat, adat, muamalat dan jenayah (Al-Syatibi, Abi Ishak (t.t.).

Dalam penjagaan kesihatan umpamanya, syarak meletakkan kesihatan dan kesejahteraan di tempat yang pertama selepas keimanan seperti sabda Nabi S.A.W yang bermaksud:

"Mintalah kepada Allah kesihatan dan kesejahteraan kerana sesungguhnya tidak ada perkara yang lebih baik dari kesihatan selepas keyakinan (iman)".

(HR Ibnu Majah).

Sebagaimana menuntut ilmu, menjaga kesihatan adalah wajib dan menjadi fardhu ain ke atas setiap umat Islam, seperti wajibnya Islam menjaga jiwa (nyawa) dan akal. Penjagaan kesihatan adalah sebahagian dari tujuan syariat (*maqasid syar'iah*). Justeru, umat Islam amat dituntut supaya menjaga kesihatan kerana "sihat" merupakan anugerah berharga dari Allah dan antara kurniaan Allah yang tidak ternilai harganya. Sabda Nabi S.A.W yang bermaksud: "*Sesungguhnya kamu mempunyai tanggungjawab untuk menunaikan hak terhadap tubuh badan kamu*" (HR Bukhari), dan Sabda Nabi lagi: "*Orang mukmin yang kuat lebih baik dan disukai oleh Allah daripada orang mukmin yang lemah*" (HR Muslim).

Oleh itu, umat Islam perlu menjaga kesihatan, tanpa kesihatan, manusia sukar menjalani kehidupan dengan selesa, dapat mengerjakan ibadah kepada Allah dengan sempurna. Demikianlah tingginya nilai kesihatan yang mempengaruhi kehidupan manusia. Islam tidak akan dapat diamalkan dengan sempurna dan tidak akan dapat dihayati tanpa kesihatan pada individu muslim dan ini pasti menjelaskan matlamat penciptaan manusia iaitu mengabdikan diri

kepada Allah S.W.T dan menjadi khalifah yang memakmurkan dunia ini. Kepentingan kesihatan dari sudut dunia boleh dilihat pada individu dan sosial. Individu yang sihat akan mampu memajukan diri, membangun negara yang bermanfaat kepada orang lain. Ia juga memelihara dirinya dari menimbulkan bahaya dan ancaman kepada orang lain dan masyarakat. Jika tidak, individu tidak akan maju tanpa kesihatan yang baik, begitu juga dengan masyarakat, kerana masyarakat yang sejahtera hanya terwujud dari individu yang sihat dan Islam sebagai ad-Din amat prihatin terhadap kewujudan masyarakat yang sihat.

Hospital-hospital yang dibina oleh kerajaan menyediakan perkhidmatan dan rawatan kepada orang awam tanpa mengira penyakit atau darjat. Hampir setiap bandar mempunyai hospital yang dibina dan dibiayai oleh kerajaan dan boleh dikatakan semua perkhidmatan adalah percuma atau bayaran yang minima. Di Malaysia, hospital yang terbesar dan terpenting ialah Hospital Besar Kuala Lumpur. Lain-lain hospital ialah Hospital Selayang, Hospital Serdang, Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia, Hospital Putrajaya, Hospital Universiti dan lain-lain.

Di samping itu, pembinaan pusat-pusat rekreasi, riadah dan bersukan seperti padang permainan, kompleks sukan, stadium, taman rekreasi dan sebagainya adalah tuntutan fardhu kifayah yang berjaya dilaksanakan oleh pihak kerajaan dengan sebaik-baiknya. Ini kerana tidak mungkin penjagaan kesihatan dalam bentuk beriadah dan bersukan dapat dilaksanakan sekiranya kemudahan-kemudahan seperti ini diabaikan. Firman Allah S.W.T.:

Maksudnya: '*...dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan*' (Al-Baqarah : 195).

Justeru itu, kemudahan kesihatan ini merupakan suatu keperluan bagi menjaga dan mengekalkan kesihatan dan rasa sihat (*wellness*). Dengan kata lain, kesihatan ialah sains untuk menghalang dan menyembuhkan penyakit, memberi kelegaan dan menghilangkan kepayahan. Sekiranya tidak ada kemudahan kesihatan, manusia akan berhadapan dengan berbagai-bagai kesukaran hidup. Akibatnya manusia mendapat kesusahan dan tidak selesa dalam urusan ibadat mereka dan tidak sempurna hidup. Keadaan sedemikain tidak selaras dengan prinsip Islam kerana syariat Islam ditegakkan atas dasar kemudahan dan menolak kesukaran serta kesempitan seperti firman Allah S.W.T dalam surah al-Haj ayat 78 bermaksud "*Dan Ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan kesusahan*". Oleh itu pengambilan tanah untuk tapak hospital, klinik desa, pusat-pusat kesihatan dan sebagainya adalah dapat disifatkan sebagai *maslahah daruriyyat / hajiyyat*.

Dalam bidang muamalat pula, manusia perlu berinteraksi antara satu sama lain untuk mendapat bahan keperluan sehari-hari kerana tidak semua keperluan harian dapat diperoleh secara bersendirian. Bagi memudahkan urusan, manusia bertemu di satu tempat yang dinamakan sebagai pasar. Pasar menjadi tempat pertemuan antara penjual dan pembeli untuk jual beli barang. Di sini penjual menawarkan barang dan para pembeli datang untuk mendapat barang keperluan harian. Dengan adanya pasar, kepayahan dan kesulitan manusia untuk mendapat keperluan harian dapat diatasi,

malah dapat memberi kemudahan dan keselesaan. Justeru, pengambilan tanah untuk tapak pasar adalah dapat dianggap termasuk dalam *maslahah hajiyayat*.

5.3 ***Maslahah Tahsiniyyat (Luxury)***

Mengikut susunan *maslahah, tahsiniyyat (luxury)* terletak pada peringkat ketiga iaitu selepas *daruriyyat* dan *hajiyayat*. *Tahsiniyyat* meliputi segala perkara yang layak dan patut untuk kemulian akhlak, ketinggian maruah serta keindahan adat. Dengannya manusia boleh hidup selesa dan tenteram. Jika tiada perkara-perkara itu tidaklah mencacatkan kehidupan manusia dan mendatangkan mudarat kepada sebagaimana berlaku pada martabat yang pertama *maslahah daruriyyat* dan tidak juga berlaku seperti martabat yang kedua *maslahah hajiyayat* (Al-Syatibi, Abi Ishak (t.t.). *Maslahah tahsiniyyat* memberi penekanan kepada keindahan dan perhiasan, menyempurnakan dan melengkapkan sistem kehidupan manusia serta keindahan apabila dipandang oleh umat yang lain. Ia boleh berlaku dalam ibadat, adat dan muamalat.

Maslahah daruriyyat dianggap asal dan paling utama dalam susunan *maslahah* tersebut. Oleh itu *maslahah daruriyyat* hendaklah diutamakan dari *maslahah hajiyayat* dan *tahsiniyyat* kerana jika *maslahah daruriyyat* tidak dilakukan akan membawa kepada kecacatan hidup di dunia dan akhirat. Kedudukan dan susunan *maslahah* ini dapat memberi petunjuk kepada pemerintah dalam membuat keputusan ketika berlakunya pertembungan antara ketiga-tiga *maslahah* tersebut. Justeru keputusan yang dikeluarkan itu benar-benar menepati dengan kehendak syarak,

keadilan dan keunggulan undang-undang Islam dan tidak akan terdedah kepada penyelewengan.

Dalam realiti kehidupan sebenar ketiga-tiga *maslahah* ini dianggap matlamat syariah yang tidak terpisah antara satu sama lain. Kedudukannya adalah saling lengkap-melengkapi dan menyempurna antara satu sama lain. *Maslahah tafsiniyyat* menyempurnakan *maslahah hajiyyat*. Manakala *maslahah hajiyyat* menyempurnakan *maslahah daruriyyat*. Sebagai contoh, tahap keperluan terhadap rumah adalah mengikut kemampuan seseorang. Tahap yang paling minima ialah memiliki rumah yang merupakan *maslahah daruriyyat* (*basic need*). Justeru, menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memastikan setiap orang rakyat memiliki rumah sebagai *basic need*. Seseorang yang berada pada tahap ini diharuskan menerima keringanan hukum bagi melanggar sesuatu yang haram dalam keadaan biasa. Contohnya, seseorang yang berada dalam tahap *daruriyyat* harus mengambil pinjaman berasaskan riba sekiranya tidak ada bank perbankan Islam yang boleh menawarkan pembiayaian Islam bagi tujuan tersebut (ketetapan atau fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Ulama Malaysia dalam persidangan pada 4-7 Mac 1969 di Dewan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur). Dalam ketika ini kerajaan boleh mengambil tanah rakyat secara paksa. Setelah keperluan asas ini diperolehi dan jumlah pendapatan dan kemampuan seseorang telah bertambah baik, mereka boleh memiliki rumah yang lebih selesa. Pada ketika ini ia berada pada tahap *hajiyyat* dan *tafsiniyyat* (*luxury*). Pada tahap *tafsiniyyat* (*luxury*), tidak lagi menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menyediakannya. Terserah kepada individu berkenaan untuk membeli dari pemaju swasta.

(BERSAMBUNG DI BAHAGIAN KEDUA)

**Suhaimi bin Hj. Mamat. K.M.N., P.S.K., B.C.M., A.K.
B.A. (Hons.) U.M., M.Sc.(UTM)**
*Setiausaha Bahagian
Bahagian Sumber Air, Saliran dan Hidrologi
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
Aras 13, Wisma Sumber Asli
No. 25, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62574 Putrajaya, Malaysia
Tel : 03-88861147
Fax : 03-88893455
Email : suhaimi@nre.gov.my*